



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**WACANA HARMONI MADANI:
“HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN”**

14 SEPTEMBER 2024 (SABTU)

8.30 PAGI - 5.00 PETANG

HOTEL LE MERIDIEN, KOTA KINABALU SABAH

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

**Salutasi terkini disediakan secara berasingan*

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan penghargaan kepada semua kerana sudi hadir bagi menjayakan **Program Wacana Harmoni Madani: Harmoni Dalam Kepelbagaian** yang dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan Negara dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Sabah.
2. Malaysia adalah sebuah negara yang memiliki kepelbagaian kaum, adat, budaya, serta kepercayaan beragama. **Kepelbagaian ini adalah warisan** sejarah pembentukan Malaysia yang seharusnya dirai dan dipelihara agar perpaduan dan keharmonian dapat dikekalkan.
3. Defisit Sosial adalah perkara-perkara yang perlu diuruskan supaya tidak menggugat pencapaian tahap perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia. **Dalam IPNas 2022, hanya empat daripada sepuluh kategori Defisit Sosial iaitu Pendidikan, Agama, Jurang Generasi dan Bahasa**

didapati menggugat pencapaian tahap perpaduan rakyat secara tidak langsung. Agama turut menjadi salah satu defisit sosial kerana kurang sensitiviti serta kefahaman berkenaan agama yang berbeza memberi kesan kepada hubungan dan interaksi masyarakat.

JAWATANKUASA KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA (JAWATANKUASA HARMONI)

Hadirin yang saya hormati sekalian,

4. Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2020 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (JK HARMONI). Jawatankuasa ini adalah satu-satunya platform yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk merapatkan jurang antara badan-badan agama Islam dan selain Islam serta berkongsi pandangan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat dan negara. Dua fungsi utama jawatankuasa ini adalah:

- I. mencadangkan kepada kerajaan berhubung pelaksanaan strategi yang bersesuaian demi meningkatkan kefahaman dan keharmonian mengenai kepelbagaian agama;

II. melaksanakan secara bersama aktiviti kesedaran dan keharmonian antara penganut agama demi manfaat masyarakat.

5. Untuk makluman, JK HARMONI bersidang dua (2) kali setahun dan dipengerusikan bersama oleh saya bersama YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dengan keahlian:

I. seramai tiga (3) orang yang terdiri daripada wakil agensi dari Kementerian Perpaduan Negara (KPN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

II. penganut agama islam seramai sepuluh (10) orang

III. lima belas (15) orang mewakili penganut selain Islam.

6. Dalam usaha memperkasakan kefungisian Jawatankuasa HARMONI, mesyuarat yang bersidang pada bulan Ogos lepas telah bersetuju **membentuk tiga biro di bawah pengurusan Jawatankuasa HARMONI** iaitu:

a. Biro Pengurusan Program dan Promosi

b. Biro Pendidikan dan Penerangan; dan

c. Biro Pengurusan isu-isu agama dan mediasi

AGENDA MENINGKATKAN KEHARMONIAN ANTARA PENGANUT AGAMA

Hadirin yang saya muliakan sekalian,

7. **Meningkatkan keharmonian antara penganut agama** adalah salah satu agenda penting yang telah saya tetapkan dalam hala tuju kementerian selaras dengan agenda nasional membangun Malaysia MADANI.

8. Sehubungan dengan itu, pada April 2024, Kementerian Perpaduan Negara telah melancarkan Inisiatif Harmoni Madani dengan mengetengahkan konsep asas integrasi nasional iaitu **Faham, Hormat dan Terima**. Suka saya kongsikan sebahagian daripada inisiatif yang telah dilaksanakan menerusi Harmoni MADANI :
 - i. **Program Jejak HARMONI** – dilaksanakan di 9 lokasi iaitu **W.Persekutuan Labuan, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor, Sarawak dan Sabah**

 - ii. **Dialog Harmoni** – dilaksanakan di Negeri **Pulau Pinang, Selangor, Melaka dan Sabah** yang juga melibatkan kerjasama Jawatankuasa HARMONI dan Pertubuhan Agama.

- iii. **Podcast: Bicara HARMONI** – yang mengetengahkan konsep perkongsian nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.
 - iv. **Dokumentari HARMONI-** 6 siri dokumentari
9. Selain itu, beberapa program antarabangsa juga telah dilaksanakan seperti **Sambutan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia** (*World Interfaith Harmoni Week*) dan **Persidangan Pemimpin Agama Antarabangsa** dengan kerjasama rapat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
10. Selain itu, JK HARMONI juga telah meluluskan cadangan **Piagam Harmoni Malaysia sebagai medium perpaduan dan keharmonian rakyat Malaysia**. Piagam Harmoni itu merangkumi enam prinsip, 12 nilai keharmonian, 32 panduan dan 9 hala tuju di samping mengandungi satu garis panduan yang meliputi perkara yang dibolehkan dan dielakkan dalam memperkasa hubungan masyarakat pelbagai kaum, agama dan budaya. Piagam ini juga mampu menatijahkan kemakmuran seperti dihasratkan dalam konsep Malaysia MADANI.

11. Saya juga ingin menyatakan bahawa **fokus utama Kementerian Perpaduan Negara pada tahun 2025 adalah Inisiatif Harmoni MADANI dengan tema “Harmoni Dalam Kepelbagaian”**.

WACANA HARMONI MADANI: HARMONI DALAM KEPELBAGAIAN

Hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Kesenambungan inisiatif Harmoni MADANI pada hari ini adalah **pendekatan wacana ilmu iaitu perkongsian maklumat seperti dasar-dasar negara, kajian dan penerokaan ilmu serta nilai-nilai murni dan amalan terbaik** dalam menguruskan perpaduan dan keharmonian masyarakat Malaysia.

13. **Objektif** utama pelaksanaan **wacana harmoni MADANI** adalah:

- (i) Membudayakan amalan **menyebarkan mesej keharmonian** dan muhibah berasaskan konsep faham, hormat dan terima dalam kalangan Masyarakat pelbagai kaum; dan

(ii) **Meningkatkan kefahaman** mengenai kepelbagaian agama, budaya dan adat resam ke arah memperkukuhkan keharmonian dan perpaduan.

14. **Saya difahamkan para panelis** bukan sahaja tertumpu kepada **ahli-ahli akademik** tetapi juga mereka yang berhadapan secara langsung dengan kehidupan bermasyarakat di Malaysia seperti **pemimpin-pemimpin agama, pengamal perundangan, generasi muda** dalam kepimpinan belia dan mahasiswa turut berpeluang menyuarakan sudut pandang masing-masing dalam wacana pada kali ini.

15. Saya memberi jaminan bahawa kesemua **input wacana ini akan dianalisis untuk kita memperkemaskan lagi Dasar Perpaduan Negara dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2025 - 2030** ke arah mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional.

PENUTUP

16. **Kesepaduan sosial** bukan hanya pada makanan atau pakaian tetapi cara pemikiran untuk memahami secara mendalam kepelbagaian yang wujud di negara ini bagi **mencari titik persamaan**. Setiap masyarakat juga perlu mempunyai kesedaran akan peranan masing-masing untuk

membina pemahaman yang baik diiringi nilai keluhuran budi pekerti dalam komuniti.

17. Oleh itu, adalah penting untuk kita semua menerapkan dan **menyebarkan konsep faham, hormat dan terima** dalam masyarakat bagi memastikan keharmonian dan perpaduan ini kekal selamanya menjadi milik kita semua.
18. Dengan ini, saya dengan sukacitanya **melancarkan Wacana Harmoni MADANI: Harmoni Dalam Kepelbagaian Tahun 2024.**

Sekian, terima kasih.